

07/12/1999

MCA wajar bebas buat keputusan

Maznah Darus

GEORGETOWN, Isnin - Parti MCA wajar diberikan kebebasan membuat sebarang keputusan berhubung kemungkinan dua bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang keluar dari parti Gerakan, menyertainya dalam masa terdekat.

Pengerusi MCA negeri, Datuk Dr Sak Cheng Lum, berkata yang penting semua orang perlu sedar bahawa MCA sentiasa mengamalkan dasar terbuka dan menerima ramai bekas ahli parti lain.

"Kita ada banyak contoh. Yang terbaru ialah kemasukan bekas pemimpin DAP yang diberikan layanan yang baik daripada MCA.

"Mereka dibantu dalam menubuhkan banyak cawangan baru, di samping itu bersama-sama bekerja keras dalam memastikan kejayaan MCA dalam kempen pilihan raya yang baru lalu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis angkat sumpah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon untuk penggal ketiga di hadapan Yang Dipertua Negeri, Tun Datuk Dr Hamdan Sheikh Tahir di Seri Mutiara, pagi ini.

Sambil memberikan nama-nama seperti Khoo Boo Yang, Datuk Khor Gark Kim, Lye Siew Eng dan ramai lagi, Sak berkata:

"Mereka semua diberikan peluang sama untuk aktif dalam MCA termasuk kesempatan untuk bertanding. Dasar buka pintu ini adalah tanggungjawab kami," katanya sambil menambah, keputusan yang bakal dibuat oleh MCA berhubung perkara itu tidak perlu dipertikaikan mana-mana pihak.

"Jika ada yang mempertikaikannya samalah seperti yang dilakukan oleh Lim Kit Siang yang tidak membenarkan bekas ahli partinya menyertai parti-parti tertentu.

"Kami tidak bertujuan mengkritik mana-mana pihak tetapi rasanya biarlah kami diberikan kebebasan menggunakan kebijaksanaan untuk membuat keputusan berhubung perkara ini," katanya yang turut mengesahkan beliau dan pucuk pimpinan MCA negeri mengadakan rundingan dengan Presiden MCA, Datuk Seri Ling Liong Sik, di Langkawi, dua hari lalu.

Ketika ditanya sama ada kemasukan kedua-dua bekas Adun dari Gerakan itu akan menimbulkan ketegangan di kalangan parti komponen dalam Barisan Nasional (BN), Sak menjelaskan:

"Daripada kes-kes terdahulu bahawa perkara ini boleh berjalan dengan baik.

"Apa yang penting ialah pelantikan semula Ketua Menteri yang dilantik dan dipilih oleh Perdana Menteri. Saya akur dan menghormati keputusan yang dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

"Dan saya sudah katakan berkali-kali bahawa saya mahu terus memberi kerjasama kepada Tan Sri Dr Koh Tsu Koon," katanya.

Sementara itu, Sak tidak menafikan timbul tekanan yang mendesak MCA diberikan tanggungjawab lebih besar berikutan kedudukannya yang memegang sembilan kerusi DUN berbanding lapan yang dimiliki oleh Gerakan.

"Kami serahkan kepada pucuk pimpinan parti dalam BN untuk membuat keputusan mereka. Keputusan sudahpun dibuat dan kini tiba masa untuk bersatu dan bekerjasama," katanya.

(END)